

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (80)  
Tarikh: 9 Ogos 2012

## KENYATAAN AKHBAR

### PEMBERITAHUAN

### BIL TUNTUTAN CUKAI TAKSIRAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2012

Dengan ini dimaklumkan kepada semua pemunya atau pemunya-pemunya harta di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bahawa kesemua bil Kenyataan Tuntutan Cukai Taksiran bagi sesetengah tahun kedua 2012 telah pun dikeluarkan dan telah diposkan. Oleh itu, pemunya atau pemunya-pemunya harta yang masih belum lagi menerima bil-bil cukai taksiran masing-masing adalah di minta untuk mendapatkannya dari Pejabat Bendahari, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya.

Pemunya atau pemunya-pemunya harta diminta mengambil perhatian bahawa mengikut Seksyen 147 Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, mana-mana akaun cukai taksiran yang masih belum dijelaskan pada **PENGHUJUNG FEBRUARI ATAU PENGHUJUNG OGOS**, tiap-tiap tahun maka pemunya atau pemunya-pemunya adalah bertanggungjawab membayar jumlah wang itu **bersama-sama dengan apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dari semasa kesemasa**.

Pemunya atau pemunya-pemunya harta juga adalah diminta mengambil perhatian bahawa kegagalan menjelaskan semua pembayaran cukai taksiran termasuk apa-apa bayaran yang ditetapkan seperti di atas dalam tempoh 15 hari selepas penghujung Februari atau Ogos mengikut sesuatu **kes akan mengakibatkan harta-harta alih mereka disita dan bayaran bagi waran tahanan (warrant of attachment fee)** ialah sebanyak yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa kesemasa dan adalah menjadi kos tahanan itu.

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil,  
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my**